

Jeanne terharu terima layanan mesra rakyat

BH-16/6/2007

Lawatan Abdullah, isteri ke Kepala Batas disambut penuh mesra

Oleh Fazli Abdullah, Fazalah Pit dan Faiza Zainudin

KEPALA BATAS: "Alhamdulillah, masyarakat di sini menerima dan menyambut saya dengan baik dan penuh mesra," kata Datin Seri Jeanne Abdullah ketika ditemui selepas menunaikan solat Zuhur dan membaca Yassin untuk arwah Datin Seri Endon Mahmood dan ibu mentuanya, Datuk Kailan Hassan di Masjid Jamiul Badawi di sini, semalam.

Jeanne yang kelihatan ramah dan sentiasa tersenyum, tidak kekok apabila beramah mesra dengan rakyat termasuk warga emas yang bersalaman dan berpelukan dengannya.

Beliau yang terharu dengan sambutan yang diberikan bagi meraikan perkahwinannya, turut berterima kasih kepada orang ramai.

"Tegurlah saya sekiranya saya tidak kenal dan membuat kesilapan," katanya yang kelihatan anggun dengan baju kurung moden berwarna kuning coklat.

Pada majlis itu, tahlil turut diadakan bersempena majlis kenduri kesyukuran meraikan perkahwinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Jeanne.


Turut hadir, Abdullah; Yang di-Per-tua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isteri, Puan Sri Chui Kah Peng.

Kedua-dua anak Jeanne, Nadiyah dan Nadene, turut hadir pada majlis yang dianjurkan bersama oleh Jawatankuasa Kariah Masjid Al-Jamiul Badawi; Masjid Jamek Kampung Baru, Kuala Lumpur dan Umno Bahagian Kepala Batas.

Jeanne menyatakan kegembiraannya kerana dapat berjumpa dengan penduduk Kepala Batas, kali pertama selepas melangsungkan perkahwinan dengan Perdana Menteri pada 9 Jun lalu.

Beliau mengaku pernah sekali datang ke sini dan berjanji akan datang lebih kerap selepas ini.

"Saya suka datang ke Kepala Batas



PASANGAN BAHAGIA: Abdullah tersenyum apabila disuapkan isterinya selepas mesyuarat Umno Kepala Batas di Dewan Pusat Perkhidmatan Umno Kepala Batas, semalam.

dan akan datang kerap lagi pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang mendoakan kesejahteraan beliau dan isterinya.

Beliau dan isteri yang kali pertama menghadiri majlis dihadiri pelbagai lapisan masyarakat bagi meraikan perkahwinan mereka, turut menghargai majlis yang diadakan untuk mereka.

"Saya dan isteri mengucapkan terima kasih kerana sudi meraikan kami," katanya dalam ucapan ringkas selepas menunaikan solat Jumaat.

Kira-kira 5,000 orang pelbagai lapisan masyarakat dan keturunan menghadiri majlis itu yang bermula sebaik selesai solat Jumaat.

Selepas itu, Abdullah dan isteri

"Alhamdulillah, masyarakat di sini menerima dan menyambut saya dengan baik serta penuh mesra. Saya suka datang ke Kepala Batas dan akan datang kerap lagi pada masa depan"

Jeanne Abdullah
Isteri Perdana Menteri

mengadakan perjumpaan dengan Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Kepala Batas, Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri. Ia diikuti kunjungan hormat ke atas Abdul Rahman di Seri Mutiara di Georgetown.

Sementara itu, ketika merasmikan sambutan ke-50 Liga Muslim Pulau Pinang, malam tadi, Perdana Menteri berkata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengiktiraf Malaysia sebagai negara paling berjaya membasmi kemiskinan.

Beliau berkata, walaupun kemiskinan masih wujud tapi angkanya kecil iaitu 5.7 peratus berbanding 50 peratus ketika negara baru mencapai kemerdekaan.

"Ia adalah kejayaan yang harus kita teruskan untuk diwarisi kepada generasi akan datang," katanya.